

Strategi lahirkan bangsa terbilang

BH - 09/07/2007

SEREMBAN: Umno akan merangka dan melaksanakan pelbagai pendekatan untuk meletakkan orang Melayu ke tahap terbilang dalam tempoh 50 tahun akan datang, kata Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Beliau berkata, Umno akan memastikan tempoh 50 tahun mulai tahun ini membawa lebih banyak lagi pembangunan dan kemajuan bagi orang Melayu serta Umno.

"Selama 50 tahun negara mencapai kemerdekaan, kita lihat banyak kejayaan yang sudah dicapai negara, termasuk dalam membangunkan infrastruktur seperti sekolah, jalan raya, jambatan, hospital dan kemudahan rakyat.

"Bagaimanapun, kita mensasarkan dalam 50 tahun akan datang, perjuangan kita untuk meletakkan orang Melayu ke tahap terbilang dan ini mesti dimulakan melalui Umno," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Seremban, di sini semalam.

Hadir sama Ketua Umno Bahagian Seremban yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Lenggeng, Datuk Ishak Ismail.

Muhammad berkata, usaha sudah dijalankan oleh kerajaan untuk meletakkan orang Melayu ke tahap terbilang dengan menganjurkan pelbagai program seperti menghantar angkasawan dan mendaki Gunung Everest.

Katanya, hendak mencapai kejayaan bukan suatu perkara yang mudah kerana hanya orang yang bersedia, gigih, kuat dan memiliki ketahanan boleh mencapai matlamat itu.

"Kita sedang menonjolkan semua wakil negara yang berjaya itu supaya mereka menjadi idola kepada generasi muda dan agar sikap positif seperti ini dapat diterapkan kepada jiwa masing-masing untuk menjadi insan yang berjaya dalam pelbagai bidang," katanya. //